



## SENARAI PROGRAM AIM 18

### LAMPIRAN / NOTA RINGKAS

Tajuk	:	<b>GERBANG AIM</b>
Produksi	:	Astro Production Sdn. Bhd
Durasi	:	60 minit
Episod	:	1
Tarikh/Hari/Masa Siaran	:	20 Oktober 2011, Khamis, jam 9.00 malam
Saluran	:	Astro Ria (saluran 104)
Hos program	:	Sham & Siti Saleha
Sinopsis	:	

**GERBANG AIM** merupakan sebuah program pembuka tirai sempena promosi AIM 18 dan bakal berdurasi selama 60 minit. Program ini akan memuatkan gabungan temuramah eksklusif bersama para finalis, persembahan serta muzik video. Gerbang AIM akan dikendalikan oleh dua orang pengacara baru yang berbakat iaitu Sham dan Siti Saleha.

Senarai artis :

No	Judul Lagu	Penyanyi
1.	Hamba Mu	Mawi & Akhil Hayy
2.	Manifestasi Cinta	Mirwana
3.	Pantun Budi	Zalee Redang (Nyanyian asal – Tan Sri S.M Salim)
4.	Wanita Seluruh Dunia	Projek Pistol
5.	Pedoman	Nora & VOU
6.	Katakanlah	Amirah Ali
7.	Never Know / Gimme Nothing	Kyoto Protocol
8.	One Night / Mess Around	James Baum
9.	Beribu Sesalan	Jaclyn Victor/Shila Amzah/Ning Baizura

Tajuk : **AKUSTIK AIM 2011**  
 Produksi : Astro Production Sdn. Bhd  
 Durasi : 30 minit  
 Episod : 2  
 Tarikh/Hari/Masa Siaran : 27 Okt 2011, Khamis, jam 9.00 malam (Bah. 1)  
 3 Nov 2011, Khamis, jam 9.00 malam (Bah. 2)  
 Saluran : Astro Ria (saluran 104)  
 Sinopsis :

**AKUSTIK AIM 2011** adalah sebuah program hiburan 30 minit yang berkonsepkan persembahan jalanan dan dipersembahkan secara terbuka dan dekat dengan penonton. Selain itu, program ini juga akan mempromosikan dan mendekatkan rakyat Malaysia dengan AIM 2011 yang bakal berlangsung tidak lama lagi.

Persembahan dalam Akustik AIM terdiri daripada finalis dari kategori terpilih dan artis jemputan yang akan mempersembahkan lagu-lagu yang tercalon dalam AIM 2011. Program ini juga turut memuatkan informasi terkini bersama finalis serta ramalan pemenang dari artis-artis tempatan.

Senarai artis terlibat :

<b>AKUSTIK AIM 2011</b>	
<b>Bahagian 1</b>	<b>Bahagian 2</b>
[27 Oktober 2011, Khamis jam 9.00 malam]	[3 November 2011, Khamis jam 9.00 malam]
Lokasi Rakaman: <i>Petaling Street &amp; i-City Shah Alam</i>	Lokasi Rakaman: <i>Bandar Melaka</i>
1. Jaclyn Victor 2. Black 3. Adira 4. Caipifruta 5. Shila Amzah	1. Iqwal 2. Hazama 3. Fina 4. Projek Pistol

Tajuk : **KARPET BIRU AIM**  
Produksi : Astro Production Sdn. Bhd  
Durasi : 30 minit  
Episod : 1  
Tarikh/Hari/Masa Siaran : **12 Nov 2011, Sabtu, jam 8.30 malam**  
Saluran : Astro Ria (saluran 104)  
Hos program : Awal Ashaari & Diana Danielle  
Sinopsis :

**KARPET BIRU AIM 18** adalah sebuah program yang bersiaran secara langsung dari karpet biru dan berdurasi selama 30 minit. Rancangan ini juga akan memaparkan temuramah eksklusif dan terkini tentang gosip, fesyen dan isu-isu sensasi bersama selebriti-selebriti terkenal tanah air. Karpet Biru AIM 18 juga bakal menampilkan gimik dari selebriti-selebriti terkenal tanah air.

Tajuk : **AIM 18**  
Produksi : Astro Production Sdn. Bhd  
Durasi : 2 jam 30 minit  
Episod : 1  
Tarikh/Hari/Masa Siaran : **12 Nov 2011, Sabtu, jam 9.00 malam**  
Saluran : Astro Ria (saluran 104)  
Sinopsis :

**AIM 18** merupakan acara kemuncak gilang gemilang anugerah pencapaian industri muzik tanahair dan membawa tema "Light, Glamour & Glitter" ataupun "Bergemerlapan & Glamour". Siaran langsung selama 2 jam 30 minit ini akan turut menampilkan selebriti-selebriti ternama dan popular sebagai penyampai anugerah, serta persembahan hebat oleh penyanyi ternama tanah air.

Selain daripada itu, para penyampai anugerah untuk AIM 18 juga bakal diriaskan mengikut tema oleh 10 pereka fesyen muda yang berbakat besar iaitu Rizman Ruzaini, Hatta Dolmat, Hazwani Osman, Nazreen Idris, Azura Mazruddin, Zery Zambri, Rico Rinaldi, Khairi Sufi, Anizam Yusoff dan Ezwan Ismail

AIM 18 juga bakal menghiburkan anda dengan persembahan dari artis tanah air, di bawah pimpinan pengarah muzik di segani, Dato' Ramli MS, yang pasti akan memberi pengalaman yang tidak dapat dilupakan.